



**KENYATAAN SEBUT HARGA**  
**JABATAN KEJURUTERAAN MDSR BIL:04/2024**

**TARIKH IKLAN : 16 MEI 2024 (KHAMIS)**

**TARIKH JUAL : 16 MEI 2024 (KHAMIS) HINGGA 23 MEI 2024 (KHAMIS)**

**TARIKH TUTUP : 23 MEI 2024 (KHAMIS) TEPAT JAM 12 TENGAHARI.**

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja seperti jadual dibawah:

NO. SEBUT HARGA	NAMA PROJEK	SYARAT	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN
MDSR/BKJ/SH/09 /2024	MEMBINA BARU 20 UNIT KIOSK DI TAMAN HUTAN BANDAR, MD SIMPANG RENGAM	G2	B02, B14 & CE21	RM50.00
MDSR/BKJ/SH/10 /2024	KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG LED SCREEN SERTA KELENGKAPAN DI DEWAN MUFAKAT	BUMIPUTERA	020301, 020302, 140512	RM50.00
MDSR/BKJ/SH/11 /2024	KERJA MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DAN TEMBOK DI TAMAN SRI LAMBAK, SIMPANG RENGAM SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	G2	CE21 & CE34	RM50.00

2. Dokumen Meja boleh dirujuk di Kaunter Khidmat Pelanggan, Lobi Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam.

3. Kontraktor/Pembekal yang berminat memasuki tawaran ini perlu membuat bayaran dengan menggunakan **DRAF BANK** daripada bank yang berlesen atau **KIRIMAN WANG** di atas nama **MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM** bagi bayaran satu (1) dokumen sebut harga.

4. Caj pendaftaran bagi kontraktor baru adalah sebanyak RM50.00 (wang tunai) manakala pembaharuan pendaftaran kontraktor bagi tahun semasa RM10.00 (wang tunai).

5. Dokumen sebut harga adalah dalam bentuk salinan keras dan hanya diberikan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. **Wakil kontraktor adalah diwajibkan membawa surat perwakilan dan cap Syarikat semasa pembelian sebut harga.**

6. Bagi pembelian **Sebut Harga Kerja**, Kontraktor perlu membawa **SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK)**, **SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)** dari CIDB dan **SIJIL KONTRAKTOR JOHOR** dari **JOHOR CENTRE FOR CONSTRUCTION DEVELOPMENT (JCCD)** yang masih **aktif**.

7. Bagi pembelian **Sebut Harga Bekalan** pula Kontraktor/Pembekal perlu membawa **SIJIL ASAL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)** DAN **PERAKUAN PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** dengan kod bidang yang masih **aktif**.

8. Waktu jualan sebut harga adalah seperti berikut:

HARI / MASA	PAGI	PETANG
Ahad Hingga Rabu	9.00 pagi – 12 tengahari	2.30 petang – 3.30 petang
Khamis	9.30 pagi – 12 tengahari	-

9. Semua dokumen sebut harga yang telah lengkap perlu dimasukkan ke dalam sampul surat dan dihantar ke dalam Peti Tawaran yang telah disediakan di Kaunter Khidmat Pelanggan, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam pada **23 MEI 2024 (KHAMIS)** sebelum jam 12 tengahari.

10. Lawatan tapak tidak diwajibkan.

